

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 30 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 04



KHALID SAMAD (kiri) dan Mazlan Lazim memotong riben sebagai tanda penyerahan unit komuniti kepada anggota PDRM di Perumahan Awam Desa Rejang, Kuala Lumpur, semalam. -UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

Tunggakan sewa PPR RM58j

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Kadar tunggakan sewa yang gagal dijelaskan oleh penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara terkumpul sebanyak RM58 juta sehingga kini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, jumlah tunggakan itu melibatkan lebih kurang 16,000 penyewa dan tindakan penamatan hanya akan dikenakan jika

penyewa masih ingkar menjelaskannya.

"Kementerian melakukan pelbagai program untuk penghuni bagi membantu mereka menambah pendapatan, sekaligus menaik taraf hidup dan membayar tunggakan mengikut kemampuan walaupun secara ansuran," katanya dalam sidang akhbar selepas pelancaran program Inisiatif Wilayah Peduli Komuniti Sejahtera di sini hari ini.